

Soalan No: 44

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TEO KOK SEONG [RASAH]

TARIKH : 1.8.2017

SOALAN :

Tuan Teo Kok Seong [Rasah] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-

- (a) sebab tiada sebarang peruntukan untuk Sekolah Menengah Kebangsaan Cina atau Conforming School bagi tahun 2017 di bawah Tabung Khas Penambahbaikan dan Penyelenggaraan Sekolah; dan
- (b) apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan untuk memastikan masalah kekurangan peruntukan Sekolah Menengah Kebangsaan Cina dapat diatasi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- a. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak RM15.0 juta telah diperuntukkan kepada Conforming School dan peruntukan telah diagihkan kepada sekolah bermula pada Julai 2017.
- b. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menghantar permohonan keperluan peruntukan kewangan semua jenis sekolah kepada agensi pusat berdasarkan prosedur ditetapkan. KPM yakin kerajaan tidak akan mengabaikan penyediaan peruntukan penyelenggaraan kepada semua jenis sekolah untuk meningkatkan akses dan kualiti pendidikan negara ini.